

Koh sifatkan hubungannya dengan Lim baik
Malaysiakini.com
October 16, 2010

Presiden Gerakan Tan Sri Koh Tsu Koon hari ini berkata beliau mempunyai hubungan yang baik dengan mantan Presiden Tun Lim Keng Yaik.

Beliau berkata hubungan mereka berdua berada "di atas landasan" yang sepatutnya.

"Kita semua mengamalkan semangat 1Hati," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat parti di Kuala Lumpur.

Koh diminta mengulas mengenai 'luahan hati' Lim yang baru-baru ini dilapor media sebagai berkata kecewa dengan cara Koh menangani isu dalam Gerakan serta memutuskan untuk meletak jawatan sebagai penasihat parti tersebut.

Mengulas lanjut, Koh berkata parti menerima keputusan Lim dan beliau juga telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Anggota Seumur Hidup Gerakan.

Mengenai mesyuarat agung luar biasa (EGM) Gerakan Pulau Pinang yang diadakan Ahad lalu, Koh menggesa semua pemimpin dan anggota di negeri itu menerima keputusan mesyuarat dan merapatkan hubungan.

EGM itu menyaksikan cubaan menjatuhkan pengerusinya Datuk Dr Teng Hock Nam gagal.

Mengulas desas-desus ada anggota Gerakan negeri tersebut mahu keluar parti kerana tidak berpuas hati dengan keputusan EGM, Koh berkata beliau belum menerima sebarang surat mengenainya.

"Pada pandangan saya, jika ia sekadar cakap mulut, biarlah ia setakat itu sahaja. Mereka telah melalui proses demokrasi dan sepatutnya menerima keputusan (EGM)," katanya.

- Bernama